

Robani, Roslinda Olahragawan dan Olahragawati terbaik MASUM 2009

Atlit lompat pagar negara, Robani Hassan dan jaguh lompat galah wanita kebangsaan, Roslinda Samsu dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) 2008 yang berlangsung di Hotel M.S. Garden, Kuantan pada 4 April 2009 yang lalu.

Robani, 26, dan Roslinda, 27, yang masing-masing mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membawa pulang wang tunai RM3,000, sebuah trofi serta sijil penghargaan.

Bagi Robani, kejayaan tersebut adalah yang ketiga buat dirinya selepas dipilih sebagai Olahragawan MASUM pada tahun 2004 dan 2005.

Sementara bagi Roslinda pula, ini kejayaan kedua beliau selepas memenangi gelaran tersebut pada tahun 2007.

Seorang lagi atlit kebangsaan dari UPM iaitu jaguh memanah, Cheng Chu Sian turut menerima penghargaan apabila dianugerahkan dengan Anugerah Khas MASUM bersama hadiah wang tunai RM1,000.

Ketiga-tiga atlit kebangsaan itu memainkan peranan penting buat kontinjen negara yang muncul juara keseluruhan di Sukan Universiti Asean (SUA 2008) pada Disember 2008 dengan memenangi 90 pingat emas, 78 perak dan 47 gangsa.

Sementara itu, Bintang Harapan Lelaki milik penembak daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ahmad Zhaffri Zamil, manakala atlit memanah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Nurhidayah Abdul Latif pula dipilih sebagai Bintang Harapan Wanita.

Kemenangan itu membolehkan mereka memenangi wang tunai RM1,000 seorang dan sijil penghargaan.

Sukan ragbi yang beraksi cemerlang di SUA 2008 pula dipilih menerima Anugerah Pasukan Lelaki Terbaik manakala pasukan bola jaring dianugerahkan Pasukan Wanita Terbaik.



Mereka menerima hadiah wang tunai berjumlah RM300 setiap seorang.

Semua anugerah disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Muhammad Safian Ismail yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob pada satu majlis gilang-gemilang anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Hadir sama ialah Pengerusi MASUM, Profesor Omar Osman, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibarhim serta delegasi dari Thailand, Singapura, Vietnam, Filipina dan Laos.

Dalam pada itu, Robani dan Roslinda ketika ditemui melahirkan rasa gembira dan teruja kerana sekali lagi diangkat sebagai penerima anugerah utama MASUM.

"Tak sangka kerana semua calon hebat-hebat belaka," ujar Roslinda.

Bagi Robani pula, anugerah tersebut bukti bahawa beliau masih lagi bergiat aktif dalam sukan olahraga kerana ramai yang menganggapnya telah bersara setelah mengalami kecederaan pada tahun 2007.

"Ini satu permulaan yang baik untuk saya kembali aktif selepas mengalami kecederaan," katanya.